

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۚ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ۚ وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ.

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi, Jawablah: Kedua-duanya mengandung dosa besar dan manfaat-manfaat kepada manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaat keduanya. Dan mereka bertanya kepadamu tentang kedua perbelanjaan yang harus dibelanjakan mereka. Jawablah: “Yang lebih daripada keperluan kamu”. Demikian Allah menjelaskan ayat-ayat kepada kamu semoga kamu berfikir”.

3. Benarkah Orang Yang Membunuh Diri Tidak Boleh Disembahyangkan?

Sesungguhnya agama yang amat suci telah menegah dengan sekerasnya-kerasnya ke atas umat Islam daripada membunuh diri dan Islam telah memperingatkan sesiapa yang melakukan perbuatan ini (membunuh diri) akan disiksa dengan azab yang pedih.

Orang yang membunuh dirinya sendiri seolah-olah ia menyentap nyawanya dengan tangannya sendiri kerana inginkan mati dengan segera disebabkan takut menghadapi hidup di dunia ini. Dalam erti kata lain ia telah berputus asa daripada rahmat Allah SWT. Perbuatan membunuh sama ada membunuh orang lain atau dirinya sendiri adalah melakukan satu jenayah yang besar dan maksud sebuah hadis bahawasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Orang yang mengambil pisau lalu memotong tangannya sehingga mati, Allah SWT berkata: “Telah mendahului aku (Allah) hambaku dengan dirinya, maka diharamkan ke atasnya syurga”

Bagi orang yang membunuh diri tiada taubat baginya. Oleh kerana tiada taubat bagi orang yang membunuh diri ini, telah berkata Imam Assa'di (السعدى) mengenai orang yang membunuh diri:

الأصح عندى أنه لا يصلى عليه، لأنه لا توبة له،

Maksudnya: “Al-Assoh (yang paling benar) di sisiku, sesungguhnya tiada sembahyang ke atasnya (orang yang mati membunuh diri) kerana sesungguhnya tiada taubat baginya”.

Telah mengikut Imam Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi akan pandangan imam Assa'di ini dan telah berkata pada orang yang mati membunuh diri ini:

“Sesungguhnya ia dimandikan dan tiada sembahyang ke atasnya”

Walaupun bagaimanapun, telah dijelaskan perkara ini dalam kitab Hasyiah Ibn. Abidin (حاشية ابن عابدين)

أن من قتل نفسه ولو عمدا يغسل ويصلى عليه

Maksudnya: “Sesungguhnya sesiapa yang membunuh diri walaupun sengaja dimandikan dan disembahyangkan ke atasnya”

Dengan keterangan ini telah difatwakan bahawa orang yang mati membunuh diri hendaklah dimandikan dan disembahyangkan seperti mayat yang lain juga walaupun perbuatannya itu salah dan berdosa serta ia dalam golongan orang-orang yang fasik (فاسق)

Demikianlah keterangan perkara ini yang jelas bahawa yang mati membunuh diri itu disembahyangkan.



KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH

1. Melukis, Melakar atau Mengukir Gambar Para Sahabat (Sahabat Nabi SAW)

Tarikh: Tahun 2003

Status Pewartaan: Diwartakan pada 11 Disember 2003

Keputusan:

“Perbuatan melukis, melakar atau mengukir gambar para Sahabat adalah diharamkan”

2. Penyertaan Wanita-wanita Islam Dalam Pertandingan atau Peraduan Ratu Cantik

Tarikh: Tahun 1986

Status Pewartaan: Diwartakan pada 18 September 1986

Keputusan:

“Bahawa penyertaan wanita-wanita Islam dalam pertandingan atau peraduan ratu cantik di mana-mana juga temasya adalah haram kerana pendedahan kecantikan wanita di hadapan lelaki yang bukan suaminya atau yang bukan muhrimnya.”

3. Pelaburan Dalam ASN, ASB dan seumpamanya

Tarikh: 15 - 17 April 2014M/15 - 17 Jamadilakhir 1435H



Keputusan:

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudaran yang lebih besar, hukum melabur dalam Skim Amanah Saham (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus.

4. Vaksin Menurut Perspektif Islam

Tarikh: 10 - 11 Ogos 2016M/7 - 8 Zulkaedah 1437H

Status Pewartaan: Tidak Diwartakan

Keputusan:

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin adalah diharuskan jika diperbuat daripada bahan yang bersih dan suci.

Jika diperbuat daripada bahan yang najis, ia terbahagi kepada dua:

- Jika di sana ada alternatif lain, maka tidak boleh menggunakan vaksin yang najis. Ini kerana sabda

Rasulullah SAW daripada Abu Darda RA yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram*”.

- ii. Jika di sana tidak ada alternatif lain, ia dibolehkan kerana ia termasuk dalam perkara darurat. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam hal ini. Kaedah *المحظورات* iaitu mudarat mengharuskan yang haram. Tetapi kaedah ini diikat dengan kaedah lain iaitu *الضرورات تقدر بقدرها* yang bermaksud mengambil darurat cukup yang perlu sahaja. Oleh itu, masyarakat Islam di negeri Sabah tiada halangan untuk mendapatkan suntikan vaksin yang halal menurut pandangan syarak.



5. Hukum Pelancong Bukan Islam memasuki Masjid dan ruang Solat Utama di dalam Masjid

Tarikh: 11 Mac 2010M/25 Rabiulawal 1431H

Status Pewartaan: Tidak Diwartakan

Keputusan:

- i. Orang bukan Islam diharuskan memasuki Masjid dan ruang solat

utama dengan syarat mendapat keizinan daripada pihak berkuasa Agama Negeri.



- ii. Orang bukan Islam tidak diharuskan berdoa dan bertafakur di dalam Masjid.
- iii. Pemandu pelancong Islam diharuskan berdoa untuk keselamatan pelancong bukan Islam dengan menggunakan ayat seperti “Semoga kita selamat di dalam perjalanan ke destinasi yang dituju”.

JNFO FATWA

6. Hukum Menyapu Air ke atas Balutan bagi Pesakit yang Memakai Balutan

Pengenalan

Perkataan “balutan” atau di dalam bahasa arab ialah Jabirah iaitu balutan yang diletakkan ke atas anggota yang retak atau tercedera untuk membalutnya. Di dalam kitab fiqh permasalahan ini disebut sebagai *alMash ‘ala Jabair wa al-Asaib* (المسح على الجبائر والعصائب) iaitu menyapu ke atas balutan yang patah dan luka. [al-fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-imam al-Syafie, Jilid 1, Halaman 68].



yang banyak menimpa kehidupan masyarakat sekarang ialah adanya tingkah laku manusia yang menyalahi kefitrahannya yang bertentangan dengan tabiat diri manusia itu sendiri. Jika seorang lelaki telah bersikap pondan menyerupai perempuan, manakala perempuan pula cuba berlagak jantan seperti seorang lelaki maka pada ketika itulah akan berlaku porak peranda dan keruntuhan moral masyarakat.

Nabi SAW telah menghitung di antara orang-orang yang dilaknati Allah di dunia dan di akhirat serta diaminkan oleh malaikat atas laknat itu, iaitu seorang lelaki yang dijadikan oleh Allah sebagai jantan lalu membetinakan dirinya dan diserupakannya dengan lagak dan watak seorang perempuan. Begitu pula seorang wanita yang telah dijadikan oleh Allah sebagai betina lalu dilelakikannya dirinya dengan menyerupai seperti lelaki sama ada dari segi cara berpakaian, gerak laku atau cara bercakap yang sengaja dibuat-buatnya. Daripada Abdullah Ibnu Abbas, sabda Rasulullah SAW:

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المختئين من الرجال والمرجات من النساء.

Bermaksud: “*Rasulullah SAW telah melaknat (mengutuk) pondan-pondan dari lelaki (berlagak perempuan) dan daripada perempuan yang berlagak lelaki.*”

(HR Bukhari)

Dalam riwayat lain disebutkan seperti berikut:

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال.

Bermaksud: “*Rasulullah SAW telah melaknat lelaki menyerupai dengan perempuan dan perempuan-perempuan yang menyerupai dengan lelaki.*”

(HR Bukhari)

Di lain hadis yang sanadnya daripada Abu Hurairah RA. Sabda Rasulullah SAW:

لعن المرأة تلبس الرجال والرجل يلبس لبسة المرأة

Bermaksud: “*Allah SWT telah melaknat perempuan yang memakai pakaian lelaki dan lelaki yang memakai pakaian perempuan.*”

(HR Abu Daud, Nasai, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban)

2. Cabutan Tiket Bertuah



- 1) Cabutan tiket bertuah, sekiranya tiket bertuah itu diberikan kepada pengunjung-pengunjung di sesuatu tempat secara percuma dan penganjur tidak mengenakan sebarang bayaran ke atas mereka, serta hadiah yang disediakan oleh penganjur daripada benda/barang yang halal di sisi syarak, maka perbuatan seperti ini adalah harus hukumnya.

- 2) Jika berlaku sebaliknya pengunjung dikenakan bayaran sama ada berupa wang atau barang oleh penganjur maka perbuatan seperti ini menurut syarak adalah “HARAM” kerana ianya termasuk dalam perkara judi yang ditegah oleh syarak.

Allah SWT menjelaskan melalui surah Al-Baqarah ayat 219:

tanpa bertayamum walaupun anggota tersebut adalah anggota wuduk seperti tangan atau kaki dan seumpamanya. Ini adalah pandangan **Hanafiah, Malikiah dan Hanabilah**.

Manakala bagi pandangan Syafi'yyah pula mewajibkan melakukan perkara berikut:

- i. membasuh sebahagian dari anggota yang tidak berbalut.
- ii. menyapu balutan (*Jabirah*) keseluruhannya.
- iii. bertayamum sebagai ganti anggota wuduk yang tidak terkena air.

Oleh itu, mana-mana pesakit yang tidak mengikut syarat tersebut, maka sembahyangnya tidak sah dan wajib mengulanginya semula.

Memakai Dalam Keadaan suci (Mengangkat Hadas)

Pesakit boleh memakai *jabirah* atau balutan tersebut tanpa bersuci terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan oleh **Hanafiah, Malikiah** dan salah satu riwayat dari **Hanabilah**.

Syafi'yyah dan salah satu riwayat dari Hanabilah mensyaratkan bersuci sebelum memakai balutan tersebut. Sekiranya tidak, maka sembahyangnya dianggap tidak sah dan wajib mengulangi semula ibadah tersebut. Namun sedikit perbezaan dengan riwayat Hanabilah menjelaskan bahawa kiranya pesakit itu bertayamum, maka ibadahnya dianggap sah dan tidak wajib mengulangi semula ibadah tersebut.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah, bil 1/2008 telah bersidang pada 11 Mac 2010 Miladiah/25 Rabiulawal 1431 Hijriah, bertempat Bilik Persidangan, Balai Cerap al-Biruni Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah dan bersetuju memutuskan bahawa:

Pesakit yang dikehendaki memakai balutan oleh pakar perubatan kerana mengalami luka atau retak tulang dan seumpamanya pada sesuatu anggota adalah diwajibkan merujuk kepada garis panduan berikut:

- (i) Penggunaan balutan (*jabirah*) seperti *plaster of paris (POP)* dan backslab bagi pesakit sama ada dalam keadaan bersuci atau tidak adalah diharuskan.
- (ii) Pesakit hanya perlu menyapu dengan air tempat balutan tersebut ketika mengambil wuduk tanpa perlu bertayamum selepas itu.

Mana-mana pesakit yang telah mematuhi garis panduan ini, sembahyangnya adalah sah di sisi syarak dan tidak wajib mengulangi sembahyang semula berasaskan pandangan Qaul Marjuh dan Qaul Qadim dari Mazhab.

IRSYAD HUKUM

1. Hukum Lelaki dan Perempuan Menyerupai Lelaki dan Perempuan

Allah SWT telah menciptakan manusia dari lelaki dan perempuan dengan mempunyai tabiat dan fitrah tersendiri, lelaki dengan fitrah kelakiannya manakala wanita dengan fitrah kewanitaannya. Di antara bala bencana

Mengikut pandangan Mazhab Syafi'e yang asah dan muktamad bahawa pesakit yang memakai balutan kerana sesuatu keperluan dari segi perubatan, maka pesakit tersebut wajib melakukan perkara tersebut ketika mengangkat hadas kecil iaitu:

- i. Membasuh sebahagian dari anggota yang tidak berbalut.
- ii. Menyapu balutan (*Jabirah*) keseluruhannya.
- iii. Bertayamum sebagai ganti anggota wuduk yang tidak terkena air.

Pesakit yang mengikut cara ini tidak diwajibkan mengulangi solatnya. Pesakit hanya diwajibkan mengqada' sembahyang kiranya melibatkan perkara berikut:

- i. Memakai balutan dalam keadaan tidak bersuci iaitu dalam keadaan berhadas.
- ii. Balutan terletak pada anggota tayamum iaitu muka dan tangan.
- iii. Balutan pada anggota yang sihat melebihi dari kadar yang sepatutnya bagi mengikat anggota yang sakit.

Kalimah *Jabirah* berasal daripada perkataan arab iaitu menampal atau balutan. Menurut kamus dewan, edisi ketiga, halaman 379 menjelaskan bahawa sesuatu yang berupa balutan yang dipakai pada tangan dan kaki. Di dalam istilah di dalam kitab fiqh *Jabirah* (جيرة) iaitu balutan yang diletakkan ke atas anggota yang retak atau tercedera untuk membalutnya. Manakala *Isobah* (عصابة) pula iaitu balutan yang diletakkan di atas anggota yang luka bagi memelihara luka tersebut daripada kekotoran.

[*al-fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-imam al-Syafie*, Jilid 1, Halaman 68].

Dalil Pensyariatan Menyapu Di Atas Jabirah

Menyapu di atas *jabair* ini adalah diharuskan di sisi hukum syarak berasaskan hadis dan aqal. Di antaranya:

Rasulullah SAW bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abi Daud (284), daripada Jabir bin Abdullah berkata yang bermaksud:

“Kami telah keluar bermusafir, maka salah seorang dari kami telah terkena batu di atas kepalanya sehingga menyebabkan luka, kemudian dia bermimpi, lalu dia bertanya sahabatnya; adakah bagiku rukhsah untuk bertayamum? mereka menjawab: kami tidak mendapati dirimu ada keringanan untuk bertayamum dalam keadaan engkau mampu menggunakan air. Maka, dia pun mandi lalu mati. Apabila kami bertemu dengan Rasulullah SAW dan menceritakan mengenai perkara tersebut lalu baginda SAW bersabda: “mereka telah membunuhnya, Allah bunuh mereka, tidakkah mereka bertanya sekiranya mereka tidak tahu, sesungguhnya ubat jahil ialah bertanya. Sesungguhnya cukuplah baginya bertayamum dan membalut lukanya serta menyapu air di atas pembalut dan meratakan air ke seluruh badannya”.

Adapun dari segi aqal, bahawa keperluan mendesak dari segi perubatan yang menyebabkan bahawa menyapu ke atas balutan adalah sesuatu yang diharuskan. Ini kerana menanggalkan adalah sesuatu yang sukar dan mendatangkan mudarat kepada pesakit.

Pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali

Menurut pandangan mazhab Hanafi dan Maliki bahawa pesakit yang

memakai balutan pada anggota wuduk memadai baginya menyapu ke atas balutan tersebut dan wuduknya dianggap sah dan tidak perlu bertayammum. Pemakaian *jabirah* atau *isobah* ini tidak disyaratkan memakainya dalam keadaan suci menurut pandangan Mazhab Hanafi dan Maliki.

Manakala bagi Mazhab Hanbali ada dua riwayat disebutkan di dalam kitab Mugni karangan Ibnu Qudamah iaitu riwayatkan pertama sama ada seperti pandangan Mazhab Hanafi dan Maliki, kedua: disyaratkan bersuci seperti pandangan Syafi'yyah namun Hanabilah menambah melainkan kiranya ia bertayammum, maka pemakaian balutan tersebut diterima dan tidak perlu ulangi sembahyangnya.

Rujukan: [*Badai' al-Sona', al-Kasani 1/49-55, Hasyiyah Dasuqi, 1/109 - 110, al-Mugni, Karangan Ibnu Qudaman al-Maqdisi, 1/314 - 315*]

Hujah Dan Dalil

Pandangan ini berhujah dengan beberapa buah hadis di antaranya hadis yang diriwayatkan di dalam kitab Sunan Ibnu Majah dan selainnya, daripada Ali bin Abi Talib berkata:

انكسرت إحدى زندي فسألت النبي صلى الله عليه وسلم فأمرني أن أمسح على الجبائر

Maksudnya:

“Salah satu sendiku patah, lalu aku bertanya kepada Rasulullah SAW (mengenai cara berwuduk), Rasulullah SAW memerintahkanku agar menyapu ke atas pembalut”

Menurut Syeikh Nasir al-Din al-Bani bahawa hadis ini bertaraf Dhaif jiddan.

Imam al-Kasani Rahimahullahu Ta'ala di dalam kitab Bada' alSaonai 1/55 menjelaskan bahawa di dalam hadis yang berkaitan dengan *Jabirah* tidak dijelaskan bahawa syarak menyuruh kita mengulangi sembahyang (apabila menyapu air tanpa bertayammum kiranya berkaitan dengan anggota wuduk).

Pandangan Mazhab Syafi'e

Pandangan yang asah

Pesakit yang memakai balutan hendaklah dalam keadaan suci sebelum memakai pembalut, membasuh anggota yang sihat, menyapu air ke atas balutan dan bertayammum sebagai pengganti kepada anggota wuduk yang tidak terkena basuhan.

Pandangan Yang Shaz Dan Dhaif

Imam Nawawi menukilkan pendapat dari Imam Haramain meriwayatkan daripada bapanya: tidak wajib memakai balutan ke atas anggota wuduk yang luka dalam keadaan suci dan tidak wajib mengulangi solat selepas sembuh. Pendapat ini adalah *shaz*.

Pandangan Dari Qaul Qadim

Tidak wajib bertayammum, cukup dengan menyapu air ke atas balutan dan membasuh anggota yang sihat.

[*Majmuk, Imam Nawawi, Jilid 3, Halaman 355-360*]

Hadis yang diriwayatkan oleh Abi Daud (284) daripada Jabir bin Abdullah berkata:

إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَّمَّمَ وَيُعْصِرَ أَوْ يَعْصِبَ - عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحُ عَلَيْهَا وَيَغْسِلُ سَائِرَ جَسَدِهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya cukuplah baginya bertayammum dan membalut lukanya serta menyapu air di atas pembalut

dan meratakan air ke seluruh badannya.”

Imam Abi Ishaq al-Syirazi juga menegaskan bahawa kewajipan bertayammum selepas menyapu tempat balutan tersebut kerana takut kepada mudarat yang boleh menimpa dirinya akibat luka tersebut. Oleh itu diwajibkan ia bertayammum selepas menyapu anggota wuduk yang dibalut.

Pandangan Ulama Muta'akhirin

1. Syeikh Sayyid Sabiq Rahimahullahu Ta'ala di dalam kitab Fiqh Sunnah, Jilid 1, Halaman 73 - 74:

Bahawa menyapu *jabirah* adalah disyariatkan dan tidak perlu bersuci sebelum menggunakan balutan atau bertayammum menggantikan anggota wuduk yang terlibat dengan balutan. Sembahyang yang dilakukan dengan cara ini adalah sah dan tidak perlu mengulanginya setelah sembuh kerana ia penggunaan *jabirah* tersebut adalah berasaskan darurat.

2. Syeikh Nasir al-Din al-Bani dalam Tamam al Minnah fi Ta'liq 'ala Fiqh Sunnah, Jilid 1/133 - 135:

Beliau menjelaskan bahawa hadis-hadis yang berkaitan dengan *jabirah* adalah hadis dhaif dan tidak diterima sebagai penghujahan di dalam syarak. Setelah beliau menyatakan 'illah hadis-hadis tersebut di dalam kitab tersebut, maka dinyatakan pandangan Ibnu Hazam bahawa sapuan di atas balutan tidak disyariatkan dengan berasaskan firman Allah SWT berfirman di dalam surah al-Baqarah, 286:

لا يكلف الله نفسا إلا وسعها

Maksudnya:

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya”

Dan Hadis sahih Nabi SAW:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم

Maksudnya:

“Apabila kamu diperintah dengan sesuatu perkara, maka patuhlah daripadanya sekadar kemampuan kamu.”

[HR Muslim (2380) 7/42]

Maka Al-Quran dan Hadis telah menggugurkan kewajipan bagi mereka yang tiada berkemampuan, adapun gantian daripada itu perlu bersumberkan syarak. Syarak pula hendaklah berasaskan kepada sumber Al-Quran dan Al-Sunnah. Namun tiada sebarang dalil dari al-Quran dan al-Sunnah menggantikan basuh dengan sapu di atas balutan atau ubatan bagi anggota yang tidak mampu dibasuh. Syeikh Albani menyatakan bahawa inilah pandangan yang benar.

Rumusan

a) Jumah Fuqaha bersepakat bahawa menyapu di atas balutan bagi pesakit adalah disyariatkan di sisi Hukum Syarak melainkan pandangan daripada Ibnu Hazm dan disokong oleh Syeikh Nasir al-Din al-Bani yang menyatakan bahawa menyapu di atas balutan tidak disyariatkan.

b) Setelah bersepakat, para Fuqaha berbeza pandangan di dalam beberapa masalah di antaranya:

Menyapu Dan Bertayammum

Pesakit wajib menyapu tempat balutan tersebut ketika mengangkat hadas